BIODEX™
Serlahkan Keterampilan Diri

**B.DEX BEAUTY CENTRE SDN. BHD.** (668614-W)
NO 31, WISMA MURNI, JALAN RAMPAI NIAGA 5, RAMPAI BUSINESS PARK,
TAMAN SRI RAMPAI, 53300 SETAPAK KUALA LUMPUR
TEL : **03-4142 4444, 03-4149 9666** FAKS: **03-4142 8490**

# 9 tahun menunggu akhirnya hamil dengan BIODEX



Hari demi hari yang saya lalui terasa sunyi dan kosong. Tiada gelak tangis si kecil yang menggamatkan suasana kehidupan rumahtangga kami. Bayangkanlah selama 9 tahun kehidupan berumahtangga, kami tidak dikurniakan cahayamata. Tiada lagi cerita baru yang boleh dikongsi kerana hari-hari yang dilalui tetap sama dan membosankan. Hal ini benar-benar membuatkan saya sangat kecewa, sedih dan rendah diri kerana tidak dapat melahirkan zuriat untuk suami. Mujurlah saya dikurniakan seorang suami yang sangat penyayang, penyabar dan sentiasa memberikan sokongan moral agar saya terus tabah dan menjadikan ini sebagai ujian Allah SWT kepada hambaNya. Bukan tidak ada yang mengata malah sanggup mengeji saya sebagai seorang yang mandul. Malahan mereka menakut-nakutkan saya jika tidak dapat melahirkan zuriat buat suami, pastinya suami akan meninggalkan saya. Hati ini bertambah sayu lebih-lebih lagi apabila keluar bersiar-siar dan terjumpa wanita hamil atau keluarga yang mendukung anak kecil. Hati siapa yang tidak pilu bila melihat mereka begitu bahagia dengan telatah si kecil yang comel dan mencuit hati. Atas desakan hati yang tidak tertahan lagi saya nekad mengambil anak angkat. Dialah menjadi pengubat luka, tempat kami mencurahkan kasih sayang dan merasakan seperti anak sendiri kerana kami mengambilnya sejak dia berusia 2 hari. Dialah yang menjadi peneman dan penghibur saya dan suami. Sesungguhnya kami sangat-sangat menghargai kehadirannya yang mengisi ruang dan tempat kami mencurahkan kasih sebagai ibu bapa.

Namun jauh di sudut hati, saya tetap menyimpan harapan agar suatu hari nanti kami akan dikurniakan zuriat yang lahir dari darah daging sendiri. Pelbagai kaedah dan inisiatif yang telah saya ambil iaitu mendapatkan khidmat doktor dengan mengamalkan pil kesuburan selama 2 tahun tetapi tetap gagal. Sebenarnya saya mengadapi masalah senggugut yang sangat teruk setiap kali datang haid. Haid juga tidak lancar, kadang-kadang datang 2-3 bulan sekali dan darah yang keluar sangat sedikit. Setiap kali haid, saya pasti akan demam sehingga 3-4 hari dan tidak dapat keluar rumah selama seminggu kerana kesakitan yang dialami sangat teruk. Mungkin inilah penyebab utama saya sukar untuk hamil kerana senggugut dan haid yang tidak lancar juga dikatakan menjadi salah satu faktor yang utama wanita sukar untuk hamil. Saya turut mendapatkan perkhidmatan urutan kampung namun tidak juga berhasil. Ibu saya ada menasihati agar menghentikan urutan cara kampung kerana bimbang luka jahitan kesan dari pembedahan apendiks saya akan terjejas. Oleh kerana kaedah moden dan tradisional tidak juga membuahkan hasil, sekaligus menjadikan saya berputus asa dan mulai redha dengan ketentuan Tuhan. Tohmahan yang seringkali dilemparkan juga kadangkala membuatkan saya merasakan diri saya benar-benar mandul apabila segala usaha yang dilakukan gagal.

Sehinggalah pada suatu hari saya terbaca pengakuan pengguna yang telah berjaya hamil hanya dengan mengamalkan **Set Kehamilan BIODEX (PKB)** dalam masa beberapa bulan sahaja sedangkan mereka menunggu dan berusaha lebih dari 10 tahun untuk berjaya hamil. Tidak berpuas hati dengan hanya satu kisah sahaja, saya telah melanggan Majalah Mingguan Wanita setiap minggu dan membaca kisah pengguna yang telah berjaya hamil dengan **Set PKB BIODEX**. Saya turut tidak melepaskan peluang untuk menonton segmen Wanita Hari Ini di TV3 tentang pengakuan pengguna yang berjaya hamil selepas mengamalkan **BIODEX**. Setelah yakin akan keberkesanannya dan berbincang dengan suami, saya telah ke **Murni Edar Trading (09-5568788)** di **Kompleks Teruntum Kuantan** untuk mendapatkan khidmat pemakanan **BIODEX** yang betul. Saya benar-benar yakin dan teruja dengan penerangan yang diberikan oleh pembantu jualan di situ serta bersemangat untuk mencuba **PKB**. Berpuas hati dengan pelbagai soalan yang kami ajukan telah dijawab dengan jelas dan profesional, saya telah mendapatkan satu **Set Kehamilan Lengkap untuk Isteri (PKB)**. Haid pertama yang datang selepas beberapa minggu mengambil **PKB** telah mengeluarkan darah yang sangat banyak. Pada hari pertama dan kedua haid, darah yang keluar sangat pekat dan berketul-ketul. Mungkin ini kesannya selepas melalui proses pencucian dengan **Set PKB**. Apa yang memeranjatkan, saya tidak lagi berasa senggugut yang sangat teruk dan perit seperti sebelum ini. Selepas tamat haid selama seminggu, saya tetap meneruskan pengambilan **Set PKB**. Selepas sebulan lebih pengambilannya, saya tidak datang haid pada tarikh yang dijangkakan. Dengan hati yang berdebar-debar, saya dan suami pergi membuat pemeriksaan di klinik dan doktor mendapati saya positif hamil tetapi sedikit ragu-ragu kerana janin tidak begitu jelas kelihatan. Untuk menyedapkan hati, saya merasakan tidak mungkin saya berjaya hamil dalam tempoh yang begitu singkat tetapi masih meneruskan pengambilan **Supreme Diet** dan **Susu IgC**. Melihat keadaan perut yang semakin membesar, mengalami perubahan bentuk badan dan haid tidak datang, 3 bulan kemudiannya saya sekali lagi membuat pemeriksaan dengan doktor. Alangkah gembiranya saya apabila doktor mengesahkan kandungan saya hampir masuk lima bulan. Pada waktu itu, hanya kata-kata syukur kepada Allah SWT sahaja yang meniti di bibir saya dan suami. Sesungguhnya saya benar-benar gembira dan rasa sangat bertuah kerana dengan izinNya, melalui **Set PKB BIODEX** saya berjaya hamil selepas penantian selama 9 tahun.

Alhamdulillah, akhirnya masa yang ditunggu-tunggu telah tiba. Saya telah pun selamat melahirkan seorang bayi perempuan seberat 3.1 kg secara normal. Bayi yang dilahirkan berkulit licin dan sangat cerah. Saya mengamalkan **Set Perfect Mum** yang terdiri daripada **Supreme Diet, Susu IgC** dan **Tight La Honey** sewaktu berpantang untuk mengembalikan kesihatan dengan lebih cepat serta menguatkan rahim selepas bersalin. Saya turut menyusukan bayi saya setiap hari untuk memberikan khasiat yang terbaik melalui susu ibu. Semakin hari dia membesar, saya melihat kulitnya semakin cerah langsung tidak mengikut kulit saya dan suami yang sawo matang. Dia juga tidak mengalami sebarang masalah kulit seperti ruam-ruam atau sensitif malah mempunyai imunisasi badan yang kuat. Mungkin inilah kesan positif yang sering diperkatakan tentang kebaikan **Supreme Diet** dan **Susu IgC**. Kedua-dua produk ini bukan sahaja menambahkan susu badan malah membekalkan susu yang berkhasiat kepada bayi yang menyusu. Sewaktu mendapat suntikan imunisasi untuk bayi saya, dia langsung tidak demam malah hanya menangis sekejap dan kemudian terus aktif bermain seperti biasa. Dia sudah pandai berjalan dan bermain dengan orang yang lebih dewasa. Dia juga sudah pandai menyebut ibu dan ayah serta beberapa perkataan pendek bagi memenuhi permintaannya pada waktu itu. Saya berhasrat untuk memberikan anak-anak saya **B-IQ BIODEX** kerana ia berkesan untuk membantu menghubungkan sel-sel otak yang penting bagi perkembangan minda kanak-kanak.

Sewaktu usianya 6 bulan lebih, saya sekali lagi disahkan hamil untuk kali kedua. Sungguh mudah saya dapat hamil kembali mungkin kesan penggunaan **Perfect Mum BIODEX** semasa berpantang dan rahim telah kembali subur. Namun apabila usia kandungan masuk usia 3 bulan, saya telah mengalami keguguran mungkin akibat melakukan kerja-kerja berat. Kini, zuriat kami telah pun berusia satu tahun lebih. Dia merupakan seorang kanak-kanak yang sangat periang, aktif dan bibirnya sungguh mudah menyapa sesiapa sahaja di sekelilingnya. Abangnya pula seakan-akan cemburu dengannya yang selalu mendapat perhatian dari saudara-mara. Mana tidaknya, selama ini kasih-sayang hanyalah miliknya seorang dan kini terpaksa beralah dengan adik kecil. Tetapi sesungguhnya kasih-sayang kami tidak pernah berkurangan sedikit pun untuknya walaupun kami sudah mempunyai zuriat sendiri. Kini, rumahtangga kami sangat bahagia dengan kehadiran dua orang anak yang setiap hari ada sahaja keletah mereka yang mencuit hati. Si kecil ini sudah pandai menyakat abangnya dan seolah-olah tahu si abang cemburu dengannya. Saya juga telah berjaya hamil untuk kali yang ketiga dan sekarang usia kandungan masuk 3 bulan. Saya tidak mahu lagi perkara sama berulang dan berjanji ingin menjaga kandungan kali ini dengan lebih baik dan berhati-hati. Saya ingin mengamalkan **Set Semasa Hamil BIODEX** bagi membantu menambahkan tenaga, mengurangkan alahan serta membantu tumbesaran janin saya sehingga melahirkannya. Saya juga ingin mencuba **Bio Selusuh BIODEX** ketika usia kandungan masuk 7 bulan bagi memudahkan proses bersalin nanti. Mengikut pengalaman bersalin anak pertama, saya terpaksa menanggung kesakitan lebih dari 18 jam. Sesungguhnya kesakitan itu tidak dapat dibayangkan dengan kata-kata.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Hajjah Siti Murni kerana telah memformulasikan rangkaian produk bermutu tinggi kerana dengan izin Tuhan, saya telah berjaya hamil dengan mudah bukan hanya sekali malah 3 kali. Sememangnya **BIODEX** lah jawapan yang paling tepat bagi menyelesaikan masalah kesuburan atau sukar hamil. Seandainya ada teman atau saudara-mara yang mempunyai masalah kesuburan, saya pasti akan mencadangkan agar mereka mencuba **BIODEX** kerana ia terbukti berkesan. Saya juga selalu memperkenalkan anak perempuan saya sebagai anak **BIODEX**. Terima kasih **BIODEX!**




***Nama:** Norafzawati Bt Mohd Salleh* ***Umur:** 29 tahun* ***Tempoh Perkahwinan:** 10 tahun* ***Asal:** Kuantan*

*Kami memerlukan gambar dan data-data peribadi anda untuk mewujudkan "BIODEX KIDS CLUB" yang akan menjalankan aktiviti kekeluargaan Biodex di seluruh negara.*

*Sila hantarkan data-data dan gambar ke alamat seperti di atas atau emelkan ke*

*drsitimurni@gmail.com*